

09 SEP 2003

Cuepacs-Perdampungan

CUEPACS GUNA PENDEKATAN PERDAMPINGAN DENGAN MASYARAKAT

KANGAR, 9 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) tidak hanya memberi tumpuan kepada tuntutan kenaikan gaji dan syarat perkhidmatan tetapi turut menyelami masalah rakyat termasuk petani, kata Presidennya, Datuk N.Siva Subramanian.

Menurutnya, Cuepacs menggunakan pendekatan perdampungan dengan masyarakat melalui kesatuan-kesatuan sekerja yang keanggotaannya terdiri daripada kakitangan yang tugas mereka sentiasa berhadapan dengan masyarakat.

Berucap pada majlis Malam Mesra Masyarakat sempena program khidmat bakti Pembantu Pertanian Semenanjung Malaysia di Arau malam tadi, Siva yakin melalui konsep perdampungan itu, rakyat akan didedahkan dengan pelbagai dasar dan usaha murni kerajaan.

Sebagai contoh, beliau berkata Kesatuan Pembantu Pertanian Semenanjung Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan petani dan mereka akan menjadi ejen dalam menyampaikan maklumat mengenai usaha kerajaan meningkatkan taraf hidup petani.

Katanya nasib petani di negara ini sentiasa terbela malah beliau yakin Bajet 2004 yang bakal dibentang pada Jumaat ini turut mengambil kira masa depan masyarakat petani.

Beliau juga berbangga dengan jasa dan pengorbanan Datuk Seri Dr Mahathir yang tidak pernah kering idea bagi membangunkan negara seiring dengan pembangunan masyarakat.

Katanya, Perdana Menteri juga sentiasa menekankan tentang pentingnya menguasai bahasa Inggeris terutama kepada golongan pelajar kerana ia menjadi aset dalam menghadapi cabaran arus globalisasi.

Siva berkata, bahasa itu bukan hanya untuk dikuasai oleh masyarakat di bandar malah anak-anak petani di kampung yang bakal menjadi pewaris negara.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri Perlis Datuk Dr Md Isa Sabu dan Presiden Kesatuan Pembantu Pertanian Semenanjung Malaysia Norasid Othman.

-- BERNAMA

AD RHM